



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**


NAMA KURSUS : ISLAMIC FINANCIAL MANAGEMENT
KOD KURSUS : DPI2173
PEPERIKSAAN : APRIL 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA(2)** Bahagian : **BAHAGIAN A (30 Markah)**
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B DAN BAHAGIAN C.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan barang-barang berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 6 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi LIMA (5) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

SOALAN 1

Terangkan secara ringkas perbezaan di antara kemahuan dan keperluan.

(6 markah)

SOALAN 2

Jelaskan perbezaan di antara takaful keluarga dan takaful am.

(6 markah)

SOALAN 3

Huraikan secara ringkas berkaitan risiko tulen dan risiko spekulatif.

(6 markah)

SOALAN 4

Huraikan secara ringkas mengenai surat kuasa wakil.

(6 markah)

SOALAN 5

Huraikan secara ringkas berkenaan kecairan portfolio dan kepelbagaian portfolio.

(6 markah)

[30 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

SOALAN 1

- a) Huraikan empat (4) fasa kehidupan yang berhubung kait dengan pengurusan kewangan secara langsung. (8 markah)
- b) Jelaskan enam (6) proses perancangan kewangan. (12 markah)

SOALAN 2

- a) Jelaskan enam (6) tugas dan tanggungjawab wasi. (12 markah)
- b) Terangkan empat (4) situasi yang membolehkan deklarasi harta sepencarian dilakukan oleh seorang isteri. (8 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.

SOALAN 1

Perkahwinan yang dilangsungkan secara sah mengikut syarak membolehkan pihak pasangan yang berkahwin itu saling mewarisi harta di antara satu sama lain.

Jadual di bawah menunjukkan lima situasi yang berlainan, nyatakan bahagian yang layak diwarisi oleh pihak berkaitan serta jelaskan alasan anda.

<p>Situasi 1 Harith dan Erra Pazira telah berkahwin sebagai pasangan teruna dan dara. Mereka tidak dikurniakan cahaya mata setelah lima tahun berkahwin. Erra Pazira meninggal dunia kerana keracunan makanan. Berapakah bahagian yang berhak diterima oleh Harith?</p>
<p>Situasi 2 Asri dan Janna Nok telah berkahwin selama dua puluh tahun. Mereka dikurniakan sebanyak sepuluh orang anak perempuan. Asri mati dalam satu kemalangan jalan raya. Berapakah bahagian yang layak diterima oleh Janna Nok?</p>
<p>Situasi 3 Ihsan mengahwini Emas Idayu seorang janda beranak tiga. Sebulan kemudian Emas Idayu meninggal dunia akibat tertelan biji buah durian. Berapakah bahagian yang berhak diterima oleh Ihsan?</p>
<p>Situasi 4 Arif seorang teruna telah berkahwin dengan Fasha Canda seorang janda beranak tiga. Setelah empat tahun berkahwin, mereka masih belum dikurniakan cahaya mata. Arif mati mengejut kerana serangan jantung. Berapakah bahagian yang layak diterima oleh Fasha Canda?</p>
<p>Situasi 5 Datuk Kay mempunyai dua orang isteri Siti dan Nuraliza. Sepuluh tahun berkahwin mereka tidak dikurniakan rezeki anak. Datuk Kay mati akibat kegagalan fungsi buah pinggangnya. Berapakah bahagian yang berhak diterima oleh Siti dan Nuraliza?</p>

(15 markah)

SOALAN 2

Encik Jo Pelizo mempunyai simpanan dalam Bank Teknologi Mara dan Bank Salam Malaysia Berhad, manakala isterinya Puan Maliqa hanya mempunyai simpanan dalam Bank Teknologi Mara.

Berikut merupakan butiran akaun simpanan masing masing.

Akaun 1 Encik Jo Pelizo

Bank Teknologi Mara			
Tarikh	Masuk/Dividen	Keluar	Baki
2/3/2017			7,000.00
28/7/2017		500.00	6,500.00
30/12/2017	300.00		6,800.00
15/3/2018	6,400.00	400.00	12,800.00
2/4/2018	2,000.00		14,800.00

Akaun 2 Encik Jo Pelizo

Bank Salam Malaysia Berhad			
Tarikh	Masuk/Dividen	Keluar	Baki
1/3/2017	7,500.00		7,500.00
28/11/2017		4,500.00	3000,00
25/3/2018	1,500.00		4,500.00
20/4/2018	100.00		4,600.00

Akaun Puan Maliqa

Bank Teknologi Mara			
Tarikh	Masuk/Dividen	Keluar	Baki
1/1/2017	2,000.00		2,000.00
5/3/2017	8,000.00		10,000.00
25/10/2017	150.00 (faedah)	4,500.00	5,650.00
15/3/2018	500.00		6,150.00
10/4/2018		250.00	5,900.00

Kirakan zakat yang wajib dikeluarkan oleh Encik Jo Pelizo dan Puan Maliqa serta jelaskan alasan pelaksanaan zakat tersebut.

(15 markah)

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

